

**WORLDVIEW PENGUKUHAN MEMBINA JATI DIRI BANGSA DALAM  
NOVEL DI PENGHUJUNG RINDU  
WORLDVIEW OF NATION SELF IDENTITY ENRICHMENT IN NOVEL  
OF DI PENGHUJUNG RINDU**

*Azhar Hj. Wahid*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.  
azhar@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Pandangan dunia ini merupakan satu bentuk kesedaran kelas sosial yang akan menghubungkan keseluruhan individu ke arah pembentukan kelompok sosial yang memiliki identiti kolektif. Novel *Di Penghujung Rindu*, memperlihatkan worldview atau pandangan dunia tentang pengukuhan membina jati diri bangsa Melayu yang perlu dilihat daripada sejarah tamadun bangsa Melayu itu sendiri. Identiti bagi sesebuah bangsa merupakan kepercayaan, sikap dan pendapat yang tersusun dan dinamik yang dipegang oleh sesuatu bangsa. Nilai-nilai sosial sebagai teras budaya memainkan peranan penting dalam menyatakan identiti sesuatu budaya itu. Image atau identiti yang dibina oleh individu itu adalah tidak terpisah daripada budayanya. Sub budaya yang berbagai dalam masyarakat Melayu itu merupakan khazanah yang menyatakan kekayaan budaya Melayu itu. Kelompok masyarakat Asia yang bertunjangkan budaya Melayu dalam novel *Di Penghujung Rindu* itu telah berusaha mempertahankan identitinya yang menyatakan dengan jelas kekuatan kelompok masyarakatnya.

Kata Kunci: Pandangan Dunia, Kesedaran kelas, Jati diri, Identiti, Bangsa

## **ABSTRACT**

*Worldview is a form of awareness of social class that connects an individual to a social group that produces its own collective identity. The novel, Di Penghujung Rindu, reflects this worldview about the imposition of self identity of the Malay people which should be seen from the perspective of the history of the Malay nation itself. National identity is the beliefs, attitudes and opinions of a particular people that are organized and dynamic. Social values, as the foundation of the particular culture, play a very important role in conceptualizing the identity of the nation. Image or identity of the nation is highly connected to its culture. The varying sub cultures within the Malay nation speak much about the rich culture of the Malay peoples itself. The Malay diaspora in Asia have gone to great length to protect and preserve their Malay identity as reflected in the novel Di Penghujung Rindu.*

*Keywords: Worldview, Class Consciousness, Self Identity, Nation*

## **PENGENALAN**

Apakah yang kita ditemui di penghujung jalan mahupun di kerinduan terakhir? Masing-masing ada jawapannya yang tersendiri. Namun di sebalik jalinan dan runtuai dalam novel Di Penghujung Rindu karya Muhd. Mansur Abdullah mempunyai kepelbagaian idealisme yang mendukung worldview atau pandangan dunia sarwajagat peradaban negara bangsa. Worldview atau pandangan dunia boleh dijelaskan sebagai sikap dan pendirian hidup, atau keseluruhan idea seseorang atau sesuatu kumpulan terhadap dunia luar atau alam persekitarannya.

Sebagaimana kata-kata Hamka (1995) iaitu “Ahli-ahli fikir dan para pemimpin, orang-orang budiman telah berkata bahawasanya cinta adalah sendi segenap keutamaan di dunia ini. Kalau tidak ada cinta niscaya nilai kemanusiaan akan hancur. Orang yang bercinta tidaklah pernah khianat kepada orang yang dicintainya, tidak pernah menyakiti dan tidak pernah

mengecewakan.” Justeru itu, dalam pandangan dunia terkandung nilai-nilai kerohanian dan kebendaan yang membentuk imej mental dan perlakuannya ketika berhubung dengan alam sekelilingnya. Pandangan dunia beroperasi bukan sekadar mentaksir dan menilai, tetapi juga menentukan visi dalam kehidupan (Muhammad Abu Bakar, 1997:1). Goldmann meletakkan pengarang sebagai salah seorang anggota sosial yang turut mengalami perubahan, selaras dengan perubahan kelompoknya.

Oleh yang demikian, daripada penelitian awal yang dibuat dalam novel *Di Penghujung Rindu*, memperlihatkan worldview atau pandangan dunia tentang pengukuhan membina jati diri bangsa seperti yang digambarkan di awal penceritaannya; “Sara sedar, hidup di perantauan mesti nekad, tabah dan berani. Dia tidak ada pilihan lain. Tidak mungkin dia akan kembali ke Malaysia. Dia tidak mahu berpisah dengan Ahmad Alfred, suami yang amat dikasihi. Susah senang dia harus bersama-sama Ahmad Alfred. Mereka berdua sudah berjanji akan menghadapi apa jua kemungkinan yang bakal muncul dalam hidup mereka di sini. Sara sedar, hanya kecekalan diri sahaja yang dapat menguatkan jati dirinya di samping sokongan dan dorongan suami tercinta.” Pandangan dunia ini merupakan satu bentuk kesedaran kelas sosial yang akan menghubungkan keseluruhan individu ke arah pembentukan kelompok sosial yang memiliki identiti kolektif. Ini dapat dikaitkan sebagaimana menurut Goldmann (1980: 112) seseorang pengarang cuba memperlihatkan karya-karyanya merupakan kesedaran kelompok di mana pengarangnya berada sebagai salah seorang dari anggota sosial dalam kelompok sosialnya.

### **Worldview Membina Jati diri Bangsa**

Isu jati diri bangsa, terutamanya bangsa Melayu menjadi tema perbincangan yang lebih mendalam khususnya pada pasca kemerdekaan. Namun demikian, Jati diri bangsa ini perlu dilihat daripada sejarah tamadun bangsa Melayu itu sendiri. Hakikat sejarah membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai ketuanan di Tanah Melayu. Islam telah menjadi teras kepada pembentukan

jati diri kebangsaan yang berpaksikan kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Jati diri bangsa ini bukan hanya tiba-tiba muncul di saat negara mencapai kemerdekaan malah sebelum kedatangan penjajah lagi jati diri ini telah menjadi lambang kebanggaan rakyat. Jati diri ini tidak diusik oleh penjajah secara langsung walaupun beratus tahun mereka memerintah Tanah Melayu. Sehubungan itu, bangsa yang mempunyai identiti serta jati diri yang kukuh dikatakan sukar menerima pengaruh luar yang bertentangan dengan adab dan budaya bangsa itu.

Namun demikian, krisis jati diri telah menimpa hampir kesemua generasi mangsa penjajahan. Bangsa Melayu menjadi manusia yang memiliki pemikiran, gaya hidup dan citarasa yang dipengaruhi oleh penjajah. Penjajahan Barat ke atas bangsa Melayu membawa kepada kehancuran segala sistem kemasyarakatan dan budaya Melayu sehingga menjadi bangsa yang amat daif, lemah serta miskin. Melayu diberikan gambaran yang negatif, buruk, mundur dan keji. Kesan penjajahan ini ditanggung oleh masyarakat Melayu sehingga kini. Kedatangan penjajah secara tidak langsung telah memecah-belahkan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Mereka juga telah menyebarkan fahaman sekularisme yang mengenenpikan konsep ketuhanan dan berlandaskan kepentingan duniawi semata-mata.

Bangsa yang dijajahi dianggap mundur seperti yang digambarkan dalam Di Penghujung Rindu, penghijrahan Sara ke Kota San Francisco bersama suami tercinta Ahmad Alfred, seorang lelaki Amerika telah mengalami tekanan hidup yang rencam, pelbagai dugaan dan penindasan yang dialaminya. "Malangnya, di sini Sara terpaksa berdepan dengan warga Amerika yang sombong dan ego. Orang Asia sepertinya langsung tidak diendahkan. Mereka menganggap orang Asia tidak sependai dan sebijak warga Amerika.... Masyarakat kulit putih membuat persepsi negatif terhadap wanita Asia sebagai eksotik, ketagihan lelaki, berorintaskan rumah tangga dan terlampau menurut kata. Lebih teruk lagi mereka menuduh wanita-wanita Asia suka menunjukkan

kesektualan yang primitif, kebintangan, terlampau ghairah, merangsang dan sentiasa mengejar nikmat seks...”

Anak-anak mereka hasil daripada perkahwinan campur merupakan produk yang tidak sempurna, akan disisih masyarakat, tidak mendapat apa-apa kemudahan, menderita akibat masalah identiti, selain daripada menghadapi masalah sosial dan psikologikal. Mereka juga sentiasa berasa rendah diri dan terasing.” Oleh itu, Sara telah membina identitinya yang tersendiri sehingga berjaya memiliki restoran yang dikenali Alfred’s Steak House, terkenal di Bandar Raya San Francisco. Beliau begitu aktif mencari peluang di negara yang bebas dan liberal dengan hati yang cecal dan mempunyai pemikiran yang menjangkau jauh ke hadapan. “Alfred’s Steak House satu-satunya telah menjadi tempat menjamu selera yang menjadi tumpuan para pengunjung di San Francisco. Ciri-ciri kelainan dan kepelbagaian masakannya, ditambah pula dengan harga yang berpatutan serta layanan yang memuaskan, menjadikan daya tarikan kepada pelanggan untuk dating berulang kali...” Latif tidak menyangka Sara mempunyai pengalaman yang pahit semasa mula-mula bertapak di San Francisco dahulu. Barulah Latif sedar, wanita di hadapannya ini bukan clang-calang perempuan. Pemikirannya menjangkau jauh ke hadapan. Lalu dia mengalah bersama-sama dengan perasaan hormat yang begitu tinggi.”

Identiti bagi sesebuah bangsa merupakan kepercayaan, sikap dan pendapat yang tersusun dan dinamik yang dipegang oleh sesuatu bangsa. Individu yang mempunyai identiti diri akan memahami secara tidak langsung siapa dirinya dan berhati-hati dalam setiap tindakan dan tingkah lakunya supaya tidak bertentangan dengan agama, budaya dan adat yang menjadi pegangan bangsa dan kaumnya. Identiti diri terhasil daripada satu siri kepercayaan, pegangan, kefahaman yang boleh berupa pemikiran dan tindakan seseorang individu. Sebagai individu setiap orang mempunyai identiti sendiri yang membezakan dirinya daripada individu-individu lain dalam masyarakatnya. Seorang itu sebagai anggota masyarakat dipengaruhi nilai-nilai sosial, yang memupuk nilai-nilai itu bagi membolehkannya hidup dalam

masyarakatnya. Oleh yang demikian, individu itu mempelajari dan menerima budayanya. Nilai-nilai sosial sebagai teras budaya memainkan peranan penting dalam menyatakan identiti sesuatu budaya itu. Image atau identiti yang dibina oleh individu itu adalah tidak terpisah daripada budayanya.

Walau bagaimanapun individu turut memainkan peranan dalam menyumbangkan nilai-nilai sosial dalam membina identiti itu. Dengan kata lain, individu itu sebagai anggota masyarakat dapat membawa perubahan atau memperkukuhkan identiti masyarakat dan budayanya, seperti yang digambarkan dalam *Di Penghujung Rindu*, walau pun Sara telah lama menetap di Kota San Francisco tetapi masih mengekalkan identiti ketimuran, terutamanya budaya Melayu: “Ada juga pekerja Sara yang terdiri daripada lelaki dan wanita Indonesia serta Thai. Kebanyakan mereka datang ke Amerika Syarikat untuk mencari pekerjaan. Sara mahu menonjolkan restorannya itu bercirikan Asia. Pakaian penyambut tetamu dan pelayannya cukup mencerminkan budaya Melayu, bergabung dengan ciri-ciri negara Thailand. Pekerja lelakinya pula bersongkok dan berkemeja batik. Manakala pekerja perempuan pula berkebaya serta bersarung batik lepas, atau memakai seluar panjang.”

Identiti yang dibina oleh Sara dalam *Di Penghujung Rindu* memberi gambaran dan menyatakan nilai-nilai sosial yang terangkum dalam amalan budaya yang dikekalkan. Sesungguhnya, kelompok masyarakat yang diwakilinya itu dapat dipupuk dengan nilai dan norma sosial melalui proses sosial atau proses sosialisasi. Melalui identiti itulah maka pengekalan budaya dapat dipertahankan walaupun dia sebagai anggota masyarakat menyedari identiti masyarakat dan budayanya yang berbeza daripada masyarakat dan budaya lain. Dengan kata lain, dalam masyarakat itu terdapat juga kelompok-kelompok sosial yang membina image dan identiti tersendiri.

Sebagai anggota kepada kelompok sosial itu, dalam membina kesedaran rasa kekitaan, maka ia berusaha mempertahankan imej atau identiti kelompoknya. Berbagai kelompok sosial dalam sesuatu masyarakat itu membina sub

budaya yang membina kesatuan di peringkat masyarakat dan budaya yang lebih luas. Sub budaya yang berbagai dalam masyarakat Melayu itu merupakan khazanah yang menyatakan kekayaan budaya Melayu itu. Kelompok masyarakat Asia yang bertunjangan budaya Melayu dalam *Di Penghujung Rindu* itu telah berusaha mempertahankan identitinya yang menyatakan dengan jelas kekuatan kelompok masyarakatnya. Identiti itu mahu dipertahankan selama-lamanya. Di samping itu, anggota-anggota kelompok masyarakatnya mahukan perubahan tetapi perubahan yang berlaku itu menyatakan dengan jelas tentang budaya itu dinamis. Namun, perubahan yang berlaku itu tidak pula menghilangkan identiti yang diwarisi sejak sekian lama. “Bahari tergamam melihat penampilan wanita itu. Wajahnya cantik dan anggun. Rambutnya kemas bersanggul siput daripada gading, atau tanduk pada sanggul itu. Kelihatan sungguh ayu apabila dia memakai baju kebaya labuh dan bersarung batik lepas. Bahari bangun perlahan-lahan memberi hormat kepadanya. Dia tersenyum sambil menghulurkan tangan untuk berjabat salam..... Maafkan saya, Puan Sara. Saya sangat kagum tengok puan. Tadi saya cuba membayangkan puan tentulah tak ubah macam wanita Amerika, khususnya wanita San Francisco, Bahari mengakuinya tanpa segan silu. Saya tak sangka. Betul-betul tak sangka ouan masih menjunjung tinggi adat budaya Melayu.”

Dalam membina identiti seperti itu bermakna anggota-anggota masyarakat melihat dan menilai ke dalam masyarakat dan budaya sendiri yang sentiasa dipandang tinggi. Sebaliknya mereka juga melihat keluar, iaitu melihat masyarakat dan budaya lain. Dalam melihat keluar atau orang luar melihat budaya Melayu, kerap kali melibatkan prasangka, iaitu melihat identiti budaya lain berasaskan sentiman, misalnya memandang rendah masyarakat dan budaya lain dalam konteks mengagongkan budaya sendiri. Adakala prasangka itu tidak berasaskan realiti, tetapi semata-mata timbul dari sentiman yang terbina dalam masyarakat. Adakala prasangka itu dibina berasaskan kepentingan tertentu.

Justeru itu, dapat dikatakan bahawa Sara yang digambarkan dalam *Di Penghujung Rindu* itu mewakili kelompok Melayu minoriti di Kota San Francisco, didapati mampu untuk mempertahankan identiti Melayu seperti yang diamalkan dalam kelompok majoriti orang Amerika di San Francisco itu. Pada kebiasaannya yang kita perhatikan bahawa kelompok minoriti selalunya dipengaruhi oleh masyarakat dan budaya majoriti sehingga kelompok itu tidak mampu untuk mengekalkan identiti. Apabila generasi baru mengambil tempat dalam kelompok minoriti itu, maka kaitan dengan identiti itu didapati semakin lemah dan dalam jangka masa yang lama identiti Melayu yang asal itu boleh hilang. Bandingkan dengan kelompok Melayu di Afrika Selatan, Sri Lanka dan lain-lain. Sedangkan kelompok majoriti, seperti orang Melayu di Malaysia yang mewarisi tradisi budaya dan berusaha mengekalkan identiti Melayu dalam berbagai lapangan kadangkalanya sudah meninggalkan warisan peradabannya sendiri di era globalisasi kini.

Sesungguhnya dalam masyarakat Melayu yang pesat mengalami proses perubahan, terutama tekanan daripada peradaban asing dan proses globalisasi, anggota-anggota masyarakat menghadapi masalah dalam mempertahankan tradisi. Mereka menghadapi krisis dalam mempertahankan tradisi sebagai menyatakan lambang identiti masyarakat dan budaya Melayu. Dalam menghadapi perubahan itu, selalunya unsur-unsur budaya tradisi diketepikan, dan gaya hidup moden menjadi pilihan. Dalam keadaan menghadapi krisis identiti itu, terdapat pula gerakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang mempertahankan identiti, terutama unsur-unsur budaya tradisi yang diwarisi sekian lama seperti mana yang diberi gambaran oleh pengarang melalui watak Sara dalam *Di Penghujung Rindu*, walaupun hidup berhadapan dengan budaya asing di Kota besar San Francisco tetapi Sara tetap mengekalkan amalan tradisi budaya Melayu di perantauan.

Apa yang diharapkan dalam membina identiti dan jati diri sebagaimana yang digambarkan oleh pengarang dalam *Di Penghujung Rindu* itu dapat dilakukan secara luaran melambangkan identiti itu berasaskan kepada struktur luaran dan



juga identiti yang melibatkan secara dalaman, iaitu jiwa Melayu itu sendiri. Di samping itu, mungkin terdapat kelompok-kelompok sosial dalam masyarakat hari ini adakalanya berusaha membina identiti sendiri sebagai melambangkan kekuatan kelompok sosialnya. Namun, dalam membina identiti itu berbagai cara akan dilakukan, misalnya melalui agama kelompok sosial itu menyatakan lambang-lambang tersendiri, di samping memupuk nilai-nilai sosial yang berkaitan. Ada kelompok pula amat terpengaruh dengan kemodenan barat dan menyatakan identiti berasaskan nilai-nilai itu. Walau bagaimanapun kelompok-kelompok sosial itu diharapkan tidak terpisah daripada masyarakat dan budaya Melayu yang dianggap dominan yang mengekalkan struktur luaran tradisi budaya dan jiwa Melayu.

Seterusnya, sebagaimana pandangan Rogers (1981) bahawa pembentukan jati diri terhasil daripada pengaruh persekitaran hasil interaksi individu. Ini bermakna, identiti diri bangsa adalah hasil daripada gabungan konsep sendiri ahlinya. Persekitaran yang baik adalah perlu bagi menghasilkan masyarakat yang berakhlak baik dan akhlak yang baik itu juga perlu lahir daripada diri sendiri berdasarkan kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Sesungguhnya persekitaran mampu memberi kesan kepada penghayatan nilai akhlak seseorang yang merupakan peringkat akhir proses pengakuran sosial yang dibentuk melalui pembelajaran sosial seperti yang digambarkan watak Prasath Chupkorn dalam Di Penghujung Rindu yang amat mempercayai kepada Sara untuk meneruskan perniagaan di Restorannya agar terus maju dan berkembang. "Sejak awal lagi, Prasath Chupkorn memberi sepenuh kepercayaan kepada Sara. Dia kagum dengan kebolehan wanita keturunan Jawa dari Malaysia itu. Perasaan kasih dan sayang juga tumbuh bagaikan rimbunan yang subur di hati suami isteri itu. Sudah banyak kali Prasath Chupkorn berbincang anak beranak. Mereka juga sudah sepakat dan sekata. Tidak ada cara lain bagi menyelamatkan perniagaan mereka itu. Kecuali melepaskannya kepada orang yang benar-benar boleh mereka harapkan."

Sehubungan dengan itu, orang Melayu dilihat sebagai berjati diri bukan kerana keteguhannya berpegang kepada nilai-nilai budaya dan adat bangsanya semata-mata, tetapi kerana keteguhannya berpegang dengan nilai-nilai agama Islam yang sebenar yang tidak bercampur dengan sebarang bentuk fahaman atau pegangan dan amalan yang salah. Nilai budaya sesuatu bangsa hanya boleh diterima sebagai asas jati diri bangsa tersebut jika ia benar-benar bersesuaian dengan nilai-nilai agama. Sebaliknya jika berlaku percanggahan antara nilai-nilai budaya dan agama, maka nilai budaya itu sendiri perlu dilihat sebagai faktor penghakis yang menghakis jati diri. Justeru tidak ada cara lain yang lebih berkesan untuk mengembali dan meningkatkan kekuatan jati diri bangsa Melayu melainkan dengan cara mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Azwira Abdul Aziz 2006).

Sara dalam Di Penghujung Rindu diberikan gambaran seorang yang tabah dan berani mengharungi hidup yang berliku di Kota San Francisco terus bersabar dan sering bertawakal kepada Allah untuk memperolehi kejayaan di perantauan. “Berebekal tekad yang kian kuat, Sara semakin tabah dan berani mengharungi tujuh gunung, sembilan lautan hingga terlempar di bumi San Francisco ini. Walau apa pun akan terjadi, walau bagaimanapun halangan yang akan dilalui, dia tetap kuatkan semangat untuk berjuang, biar seteguh karang di dasar lautan. Dia mesti membuktikan kemampuan diri kepada ayahnya itu. Dia tahu, dirinya memiliki keistimewaan yang mungkin orang lain tidak memilikinya. Hidup di perantauan menuntut keberanian dan kekuatan yang luar biasa. Dia harus bersabar dan sering bertawakal kepada Allah, yang menjadi penentu bagi segala-galanya. Walau di mana berada, ajaran sejak kecil tentang kepentingan beragama dan mengesakan Tuhan tidak pernah lekang di hati. Biar sesibuk mana sekalipun, solat lima waktu tidak pernah diabaikan.”

Oleh yang demikian, terdapat beberapa perkara yang menjadi teras pembinaan jati diri bangsa Melayu, antaranya teras ketaqwaan kepada Allah, teras akhlak, teras ilmu pengetahuan dan teras muamalah. Teras ketaqwaan kepada Allah merupakan teras

yang paling utama dalam pembentukan jati diri bangsa Melayu. Orang Melayu memang dikenali sebagai satu bangsa yang menganut agama Islam dan seluruh nilai, norma serta adat budaya mereka adalah merujuk kepada ajaran Islam. Teras akhlak pula merupakan cerminan kepada segala amalan dan perlakuan seseorang individu. Ia berkait rapat dengan bagaimana seseorang itu menjaga hubungannya dengan Allah, dengan sesama makhluk atau dengan diri sendiri. Islam menganjurkan umatnya supaya berakhlak dan berbudi pekerti mulia dalam setiap perbuatan mahupun tutur kata kerana kemuliaan dan kehormatan seseorang itu akan dinilai melalui ketinggian keperibadian akhlaknya.

Teras ilmu pengetahuan pula merujuk kepada keperluan untuk memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan yang berfaedah dan tidak melanggar syariat Islam. Ilmu pengetahuan yang dimiliki bukan sahaja bermanfaat untuk kepentingan peribadi bahkan kepada masyarakat, bangsa dan negara. Manakala teras muamalah pula menekankan konsep bersatu padu, bergotong-royong dan bertolak ansur sebagai inti kepada keperibadian dan jati diri bangsa Melayu. Selain itu, prinsip muafakat dan musyawarah juga diberi penekanan dalam masyarakat Melayu.

Ini yang ditunjukkan oleh pengarang dalam *Di Penghujung Rindu* melalui watak Karim yang sanggup menolong kakaknya Sara yang ingin membina kebahagiaan rumah tangga mengikut suaminya balik ke San Francisco dan meninggalkan Bahari yang masih kecil padanya. Karim telah memberi didikan yang sempurna kepada Bahari sehinggalah menjadi anak yang baik. “Sebenarnya dia ingin membantah sikap dan tindakan kakak kesayangannya itu. Tetapi dia sedar, betapa besarnya harapan Sara yang baru membina rumah tangga dengan suami barunya, lalu dia berdiam diri sahaja. Dia tidak ingin melukakan hati Sara yang sedang cuba mencipta bahagia dengan Ahmad Alfred..... Walau apa pun yang berlaku, Karim berjanji kepada dirinya sendiri dia kan membesarkan Bahari dengan sempurna. Segala amanat kakaknya itu akan dipegang teguh. Karim akan memastikan Bahari membesar menjadi anak yang pandai dan berguna kepada agama, bangsa dan

Negara. Betapa besar tanggungjawab yang dipikul di atas bahunya kini”

Sejarah membuktikan bahawa agama Islam mampu menjadikan sesuatu bangsa itu kuat dan mampu untuk membangkitkan tamadun yang gemilang. Jika diteliti dari aspek sejarah, penekanan Islam kepada ilmu pengetahuan telah memberikan kesan yang cukup besar ke atas orang Melayu. Masyarakat Melayu bukan sahaja menerima Islam sebagai cara hidup bahkan telah membudayakan ilmu dalam kehidupan mereka seperti mana yang ditekankan oleh Islam seperti membaca, menulis dan menyelidik seperti mana firman Allah dalam Surah *al-'Alaq* ayat 1-5. Walaupun pada masa tersebut, sasaran penerima ilmu kebanyakannya untuk golongan anak bangsawan namun budaya menuntut ilmu terutamanya ilmu agama tetap meriah dalam kalangan masyarakat awam.

Sesungguhnya, ilmu agama bukan sahaja diajar di masjid, madrasah atau rumah malahan di tepi perigi. Situasi ini menunjukkan bahawa ilmu agama turut disebar di mana-mana sahaja yang terdapat perkumpulan manusia. Ilmu pengetahuan mempunyai peranan yang sangat signifikan dan positif sebagai asas kekuatan sesuatu bangsa dan tamadun. Malahan telah berlaku beberapa kali dalam sejarah bagaimana sesuatu bangsa yang kuat yang tidak ditunjangi oleh budaya ilmu yang baik akan memeluk dan menganut nilai-nilai dan ciri-ciri tamadun lain yang menaklukinya.

Di samping itu, usaha untuk memperkasa dan memantapkan semula jati diri bangsa Melayu berkait rapat dengan usaha untuk menyampaikan dakwah Islam. Ini kerana hanya dengan keimanan yang mantap sahaja kita mampu untuk membentuk jati diri yang kuat dan tidak terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang merosakkan. Penerapan nilai-nilai Islam secara holistik hendaklah ditekankan dalam segenap kehidupan bangsa Melayu. Ini juga akan member kesan kepada pembangunan manusia di dunia dan di akhirat. Pengarang memberi gambaran *Di Penghujung Rindu, bahawa Bahari diberi didikan agama yang sempurna oleh Haji Masto dan isterinya Hajah Tuminah*

menyebabkan Bahari menjadi anak yang penuh beradab sopan dan berkelakuan baik.

Apabila Haji Masto mendengar Bahari berkata begitu, dia segera mengurut-urut dada. Dia cuba memujuk hati kecilnya supaya berkompromi dengan hasrat cucunya itu. Akhirnya, dia reda sendiri. Dia tidak menghalang cita-cita murni cucunya itu. Bahari mempunyai visi dan misi hidupnya. Dan Haji Masto harus menghormati dan memahami jiwa Bahari yang muda remaja itu. Tidak rugi arwah isterinya memanjakan Bahari dengan limpahan kasih sayang. Mereka juga tidak pernah lupa mengasuh dan mengajarnya beradab sopan dan berkelakuan baik. Nasihat dan tunjuk ajar pula penuh dibungai dengan pujukan dan belaian kasih mesra.”

Selain itu, usaha ke arah pemantapan institusi kekeluargaan juga adalah penting untuk dilaksanakan kerana keluarga menjadi asas pembentukan masyarakat dan masyarakat pula menjadi asas kepada pembinaan jati diri kebangsaan. Ibu bapa merupakan ejen sosialisasi yang paling berpengaruh dalam pembentukan diri anakanak mereka. Oleh yang demikian, ibu bapa haruslah memainkan peranan mereka untuk memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak-anak mereka di samping penekanan dalam bidang akademik.

Sehubungan itu, untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh. Potensi intelek manusia hendaklah disemai ke arah kebenaran, daya pemikiran yang kreatif dan inovatif, logik dan analitis yang akan melahirkan ilmu yang bermanfaat dari segi teori dan praktis. Manakala potensi rohani pula haruslah menggarap aspek-aspek keyakinan terhadap Allah SWT, penghayatan nilai-nilai murni dan norma bermasyarakat serta berbudi pekerti mulia. Potensi jasmani pula hendaklah dipandu ke arah aspek kecerdasan fizikal dan kesihatan mental yang berfungsi untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Dalam *Di*

*Penghujung Rindu*, diberi ilustrasi Sara berjaya mengubah gaya hidup Ahmad Alfred dengan meninggalkan keseronokan hidup dan meneruskan corak hidup Islam. “Di San Francisco ini, dia menjadi orang baru. Bukan lagi Alfred yang dahulu. Dia tidak lagi mengunjungi bar ataupun pub. Dia enggan menerima pelawaan rakan-rakan karibnya yang mengajak ke parti gila seperti suatu masa dahulu. Hari cuti pula, dia lebih banyak menghabiskan masa bersama-sama Isteri kesayangan di rumah. Ahmad Alfred lebih gemar membaca buku-buku tentang Islam yang dibeli oleh isterinya. Sara banyak mengajar dan menjelaskan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan agama Islam yang suci.”

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa hanya melalui Islam bangsa Melayu mampu untuk memperteguh dan memperkasakan semula jati diri mereka. Nilai akhlak, moral dan etika yang terbit daripada agama Islam menjadi ajaran dan landasan memelihara diri serta masyarakat pada masa kini. Dengan kata lain, orang yang tidak berakhlak adalah orang yang tidak beriman dan tidak beragama. Oleh sebab itu, Islam menitikberatkan pengajaran akhlak. Akhlak mendapat kedudukan yang tinggi di dalam Islam kerana para Rasul terdahulu telah memikul tugas memperbaiki akhlak. Maka Islam telah menyusun dengan begitu rapi kaedah dan sistem akhlaknya sehingga tidak dapat ditandingi oleh agama yang lain di dunia ini.

Justeru itu, terdapat empat konsep yang boleh kita lihat dalam melaksanakan pengajaran akhlak antaranya, konsep baik dan jahat iaitu akhlak yang mulia adalah himpunan sifat-sifat yang mulia dan terpuji pada individu itu sendiri. Ia menjadi asas perhubungan manusia dan menjamin keamanan hidup bermasyarakat. Sebaliknya akhlak yang jahat adalah hasil daripada budi pekerti buruk. Ia dapat dilihat dengan tindakan individu itu sendiri yang bertentangan dengan adat tatasusila manusia dan masyarakat. Seterusnya berkaitan jiwa dan kehendaknya iaitu jiwa belum lagi dapat dikatakan baik atau buruk selama ia masih di dalam keadaan sebagaimana asalnya. Sebenarnya, jiwa adalah sesuatu kekuatan yang dapat digunakan untuk menuju ke arah kebaikan. Di samping itu, perlu garis-garis budi pekerti iaitu Allah SWT telah

menggariskan ketentuan budi pekerti yang harus dilalui oleh setiap orang. Garis-garis itu tercantum dalam al-Quran dan hadis yang menjadi panduan dan penghayatan manusia untuk menentukan konsep baik dan buruk. Akhirnya kepada beberapa perbuatan yang bernilai baik dan buruk yang bermaksud akhlak yang baik bukan sahaja penting dalam hubungan sesama manusia dan Tuhan malah dengan alam sekitar juga. Islam sangat menyanjungi manusia yang berakhlak mulia. Sebagaimana Rasulullah saw menganggap orang yang berakhlak mulia sebagai orang yang paling baginda kasihi dan akan duduk bersama-sama dengan para sahabat pada hari kiamat nanti. Oleh itu, keempat-empat konsep ini harus diterapkan dalam jiwa dan diri manusia agar terbentuk akhlak yang mulia dan mengenali jati diri sebagai seorang Melayu-muslim. Ini semua adalah dituntut dalam semua agama.

## **KESIMPULAN**

Dalam konteks dunia global hari ini, perbincangan pengukuhan jati diri bangsa yang diilustrarkan dalam Di Penghujung Rindu ini memperlihatkan betapa pentingnya pengajaran akhlak dalam sistem pendidikan secara langsung berperanan mendidik dan membentuk jati diri bangsa Melayu yang berakhlak dan beriman. Sesungguhnya Islam merupakan asas utama kepada pembentukan jati diri bangsa Melayu di samping adat dan budaya lama dikekalkan serta manamana adat dan budaya yang bercanggah dimodifikasikan supaya selaras dengan syariat Islam.

Untuk memperkasakan semula jati diri bangsa Melayu, agama Islam haruslah dijadikan sebagai panduan dan pendidik utama kerana tanpa Islam bangsa Melayu akan kehilangan jati diri mereka. Islam telah terbukti berjaya membina tamadun Melayu yang gemilang sebelum kedatangan penjajah. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab bangsa Melayu untuk menghayati serta mengamalkan ajaran Islam dalam segenap aspek kehidupan mereka. Malah kejayaan bagi seseorang dalam membentuk jati diri yang baik bergantung kepada pencapaian akademik dan kemuliaan akhlak dan moral. Justeru itu, tumpuan seharusnya tidak hanya

kepada akademik sahaja, bahkan juga kepada aspek pengukuhan pembinaan akhlak dan moral yang menjadi tunjang jati diri bangsa Melayu.

## **RUJUKAN**

- Anwar Ridhwan. (2005). *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azwira Abdul Aziz. (2006). *15 Asas pembinaan jati diri Muslim menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Goldmann, Lucien. (1980). *Essay on Method in the Sociology Literature*. St. Louis: Telos Press.
- Hamka. (1995). *Falsafah Hidup*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hassan Langgulong. (1987). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Hassan. (1986). *Penyerapan unsur-unsur Islam melalui sistem pendidikan negara: Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Abu Bakar dlm. Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (peny). (1997). *Alam Pensejarahan: dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah. (2011). *Di Penghujung Rindu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogers, D. (1981). *Adolescent and Youth*. New Jersey: Prentice Hall.
- Wan Abdul Kadir. (1994). *Nilai dan Worldview Orang Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.